

31 JAN 2002

MAHATHIR-RHB/I

BANK UTAMA-RHB BANK T/TANGANI PERJANJIAN PENGGABUNGAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Bank Utama Bhd dan RHB Bank dijangka menandatangani perjanjian penggabungan mereka tidak lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Dengan izin Tuhan, (ia akan dilaksanakan) tidak lama lagi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pasarakyat di sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat memberikan jaminan berkaitan penggabungan itu.

"Ini dibuat oleh orang lain, macam mana saya boleh bagi jaminan. Saya tidak tahu," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Ditanya sama ada niaga janji itu telah dimuktamadkan, Perdana Menteri berkata beliau hanya mendengar kedua-dua pihak mahu menandatangani perjanjian penggabungan itu tidak lama lagi.

Semasa ditanya sama ada Utama akan membayar kepada pengerusi eksekutif RHB Tan Sri Rashid Hussain sebanyak RM6 sesaham bagi 23.9 peratus pegangannya dalam RHB, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Anda perlu tanya beliau."

Bank Utama Bhd, satu-satunya bank yang masih belum menyertai mana-mana 10 bank teras di bawah langkah penggabungan industri perbankan negara, telah diberikan tempoh lanjutan bagi cadangan penggabungannya dengan RHB Bank.

Pada 22 Jan lepas, Dr Mahathir berkata lesen perbankan Bank Utama akan dibatalkan sekiranya ia tidak mendapat rakan penggabungan menjelang hujung Jun.

RHB Bank dimiliki sebanyak 70 peratus oleh RHB Capital Bhd, yang dikuasai oleh Rashid Hussain Bhd (RHB).

Utama Banking Group, yang memiliki Bank Utama merupakan 51 peratus unit Cahya Mata Sarawak Bhd, sebuah kumpulan yang berpangkalan di Sarawak. Sebelum RHB Bank, Bank utama telah gagal dalam rundingan penggabungan dengan unit perbankan AMMB Holdings dan Edaran Otomobil Nasional (EON). --

BERNAMA

MAD MKO FR NHD